



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK *AFFILIATE* ASING (INWARD FATS) DI MALAYSIA
DAN STATISTIK *AFFILIATE* MALAYSIA DI LUAR NEGERI
(OUTWARD FATS) 2021

***Affiliate* asing di Malaysia menyumbang 17.7 peratus kepada ekonomi Malaysia, merekodkan nilai ditambah sebanyak RM274.3 bilion pada 2021**

PUTRAJAYA, 22 September 2023 – Hampir 3,000 *affiliate* asing beroperasi di Malaysia dengan nilai ditambah sebanyak RM274.3 bilion pada 2021 atau 17.7 peratus kepada ekonomi Malaysia. Sebaliknya, lebih 2,300 *affiliate* Malaysia beroperasi di luar negeri, menjana perolehan sebanyak RM334.1 bilion pada tahun 2021. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini melaporkan dalam **Statistik *Affiliate* Asing di Malaysia (Inward FATS) dan Statistik *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri (Outward FATS) 2021**.

Dalam kenyataannya pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "*Affiliate* asing merujuk kepada enterpris dengan pemilikan ekuiti lebih 50 peratus oleh pelabur tunggal. Objektif *Inward* dan *Outward FATS* diterbitkan oleh DOSM adalah untuk memberikan maklumat tahunan mengenai ciri-ciri utama dan indikator ekonomi yang menentukan struktur dan aktiviti yang dikawal *affiliate* asing yang berada di Malaysia, dan sebaliknya. *Affiliate* asing di Malaysia meningkat secara marginal sebanyak 0.3 peratus daripada 2,979 *affiliate* pada tahun 2020. *Affiliate* asing ini menjana RM274.3 bilion nilai ditambah, meningkat 13.8 peratus berbanding RM241.0 bilion pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, bilangan pekerja yang terlibat dengan *affiliate* asing turut meningkat sebanyak RM2.9 peratus untuk merekodkan 884,843 orang berbanding tahun 2020, disokong oleh pasaran buruh yang bertambah baik di negara ini. Hasilnya, pampasan pekerja secara keseluruhannya meningkat daripada RM48.7 bilion kepada RM51.9 bilion pada tahun 2021."

Mengulas lanjut mengenai prestasi *Inward FATS* mengikut aktiviti ekonomi, “Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan tertinggi nilai ditambah pada 48.6 peratus, berjumlah RM133.3 bilion pada tahun 2021. Sektor ini menggaji 664,721 orang dengan bayaran pampasan sebanyak RM36.1 bilion, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Nilai ditambah kedua tertinggi direkodkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian pada RM69.0 bilion atau 25.2 peratus sumbangan, melepasi sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 (RM68.5 bilion). Walaubagaimanapun, sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan pekerja kedua tertinggi pada 178,552 pekerja dengan jumlah pampasan pekerja pada RM12.0 bilion pada tahun 2021.”

Sementara itu, kedua-dua eksport dan import oleh *affiliate* asing di Malaysia masing-masing berkembang 27.8 peratus dan 21.1 peratus pada tahun 2021. Eksport *Inward FATS* menyumbang kepada 33.9 peratus daripada perdagangan barang & perkhidmatan, sementara import bagi *Inward FATS* berjumlah 32.3 peratus. Pelabur dari rantau Asia mencatatkan bilangan tertinggi bagi enterpris pemilikan asing di Malaysia, merangkumi 63.5 peratus daripada jumlah *affiliate*, terutamanya dari Singapura, Jepun dan China.

Ketua Perangkawan turut menekankan bahawa pada tahun 2021, prestasi *affiliate* pemilikan Malaysia di luar negeri menunjukkan momentum yang meningkat. Berbanding dengan tahun sebelumnya, *affiliate* mencatat peningkatan perolehan sebanyak 4.2 peratus, merekodkan sejumlah RM334.1 bilion. Dari segi pekerjaan, *affiliate* ini mengambil pekerja seramai 412,295 orang berbanding 393,291 orang pada tahun 2020. Pampasan pekerja juga meningkat sebanyak 1.7 peratus, berjumlah RM24.0 bilion berbanding dengan RM23.6 bilion pada tahun 2020.”

Dari segi perolehan, sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama pada tahun 2021, menghasilkan RM205.0 bilion atau 61.4 peratus. Perolehan kedua tertinggi direkodkan oleh sektor Pembuatan sebanyak RM82.8 bilion, yang meliputi 24.8 peratus, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian sebanyak RM25.7 bilion (7.7%).


Melihat kepada prestasi mengikut negara, Ketua Perangkawan menyatakan *affiliate* Malaysia yang berada di Indonesia mencatatkan perolehan tertinggi sebanyak RM50.6 bilion. Sementara itu, perolehan kedua tertinggi adalah dari United Kingdom, yang bernilai RM37.3 bilion, diikuti oleh Singapura, dengan perolehan sebanyak RM32.0 bilion. Sektor Perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menghasilkan perolehan dari tiga negara ini.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Bilangan *Affiliate* Asing di Malaysia, 2011-2021




Carta 2: Nilai Ditambah *Affiliate* Asing di Malaysia, 2011-2021




Carta 3: Bilangan Pekerja dan Pampasan Pekerja bagi *Affiliate* Asing di Malaysia, 2011-2021




Carta 4: Bilangan *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri, 2011-2021



Carta 5: Perolehan *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri, 2011-2021



Carta 6: Bilangan Pekerja dan Pampasan Pekerja bagi *Affiliate* Malaysia di Luar Negeri, 2011-2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

22 SEPTEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
STATISTICS ON FOREIGN AFFILIATES (INWARD FATS) IN MALAYSIA
AND STATISTICS ON MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD
(OUTWARD FATS) 2021

Foreign affiliates in Malaysia contributed for 17.7 per cent to the Malaysia's economy, recorded a value added of RM274.3 billion in 2021

PUTRAJAYA, 22 September 2023 - Nearly 3,000 foreign affiliates were operating in Malaysia with a value added of RM274.3 billion in 2021, or 17.7 per cent of Malaysia's economy. In contrast, almost 2,300 Malaysian affiliates operating abroad, generating a turnover of RM334.1 billion in 2021. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in its **Statistics on Foreign Affiliates in Malaysia (Inward FATS) and Statistics on Malaysian Affiliates Abroad (Outward FATS) 2021**.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Foreign affiliates refer to enterprises with more than a 50 per cent equity owned by a single foreign investor. The objective of Inward and Outward FATS published by DOSM is to provide annual information on the main characteristics and economic indicators that determine the structure and activity of foreign-controlled affiliates located in Malaysia, and vice versa. Foreign affiliates in Malaysia increased marginally by 0.3 per cent from 2,979 affiliates in 2020. These foreign affiliates generated RM274.3 billion in value added, an increase of 13.8 per cent as against RM241.0 billion in the preceding year. Concurrently, the number of employees engaged with foreign affiliates also expanded by 2.9 per cent to record 884,843 persons as compared to 2020, echoed by the improved labour market in the country. In turn, the overall compensation of employees rose from RM48.7 billion to RM51.9 billion in 2021."

Elaborating further on the performance of Inward FATS by economic activities, “Manufacturing sector remained the main contributor with the highest share at 48.6 per cent of value added, amounting to RM133.3 billion in 2021. This sector employed 664,721 persons and paid out RM36.1 billion in compensation, particularly in Electrical, transport equipment & other manufacturing sub-sector. The second highest value added was recorded by the Mining & quarrying sector at RM69.0 billion or 25.2 per cent shares, surpassing the Services sector in 2021 (RM68.5 billion). Nevertheless, Services sector registered the second highest number of employees at 178,552 workers with a total compensation of employees at RM12.0 billion in 2021.”

Meanwhile, both exports and imports of foreign affiliates in Malaysia in 2021 expanded by 27.8 per cent and 21.1 per cent, respectively. Exports of Inward FATS contributed to 33.9 per cent of the trade of goods & services, while imports of Inward FATS accounted for 32.3 per cent. Investors from Asia region registered the highest number of foreign-controlled enterprises in Malaysia, made up 63.5 per cent of the total affiliates, especially from Singapore, Japan, and China.

The Chief Statistician also highlighted that in 2021, the performance of Malaysian-controlled affiliates abroad exhibited an upward momentum. Compared to a year ago, these affiliates posted a 4.2 per cent increase in turnover, reaching a record of RM334.1 billion. In terms of employment, these affiliates hired 412,295 persons as compared to 393,291 persons in 2020. The compensation of employees also rose by 1.7 per cent, amounting to RM24.0 billion as against RM23.6 billion in 2020.

In terms of turnover, the Services sector remained the dominant contributor in 2021, generating RM205.0 billion or 61.4 per cent. The second highest turnover was recorded by the Manufacturing sector at RM82.8 billion, constituting 24.8 per cent, followed by the Mining & quarrying sector at RM25.7 billion (7.7%).

Looking at the performance by country, the Chief Statistician stated that Malaysian affiliates located in Indonesia recorded the highest turnover at RM50.6 billion. Meanwhile, the second highest turnover was from the United Kingdom, which was valued at RM37.3 billion, followed by Singapore with a turnover of RM32.0 billion.

Notably, the Services sector played a pivotal role in generating the turnover of these top three countries.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Number of Foreign Affiliates in Malaysia, 2011-2021




Chart 2: Value Added of Foreign Affiliates in Malaysia, 2011-2021




Chart 3: Number of Employees and Compensation of Employees of Foreign Affiliates in Malaysia, 2011-2021




Chart 4: Number of Malaysian Affiliates Abroad, 2011-2021




Chart 5: Turnover of Malaysian Affiliates Abroad, 2011-2021





Chart 6: Number of Employees and Compensation of Employees of Malaysian Affiliates Abroad, 2011-2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 SEPTEMBER 2023